

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH
(PUTATAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 14.11.2017

Y.B. DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH [PUTATAN] minta
MENTERI KEWANGAN menyatakan:-

- (a) anggaran jumlah pelaburan mata wang ringgit Malaysia yang mengalir ke luar negara setakat disember 2016; dan
- (b) berapakah jumlah kes di bawah Akta Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (Anti Money Laundering and Anti-Terrorism Financing Act 2001) yang didakwa di mahkamah dan disabitkan kesalahan oleh Bank Negara Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tempoh berakhir Jun

2017, pelaburan langsung dan portfolio ke luar negeri oleh entiti Malaysia berjumlah RM908 bilion iaitu seperti berikut :

i) Lebih separuh dari pelaburan tersebut terdiri daripada pelaburan langsung asing di luar negeri oleh syarikat-syarikat Malaysia (DIA) yang berjumlah RM574 bilion. Destinasi DIA adalah pelbagai, merentasi ekonomi maju dan sedang pesat membangun seperti Singapura sebanyak 16%, Indonesia sebanyak 9%, Kanada sebanyak 7%, Australia dan United Kingdom sebanyak 5% dan India sebanyak 4%. Daripada segi pecahan sektor, DIA disalurkan terutamanya ke dalam sub-sektor perkhidmatan kewangan iaitu 35%, perlombongan sebanyak 19% serta perkhidmatan telekomunikasi berjumlah 8%.

ii) Manakala, pelaburan portfolio oleh pemastautin berjumlah RM334 bilion pada akhir Jun 2017. Lebih kurang dua pertiga daripada jumlah ini terdiri daripada aset yang dipegang dalam bentuk sekuriti.

Pelaburan ke luar negeri oleh pemastautin dan syarikat Malaysia mencerminkan kematangan dan keupayaan syarikat tempatan untuk bersaing di peringkat global serta strategi mempelbagaikan pelaburan mereka untuk mendapatkan pulangan yang optimum.

(b) Selain itu, kes-kes di bawah Akta Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (*Anti-Money Laundering and Anti-Terrorism Financing Act 2001*, AMLATFA) adalah di bawah bidang kuasa pelbagai agensi penguatkuasaan. Agensi ini termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), Bank Negara Malaysia (BNM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Di antara tahun 2013 sehingga 2016, sejumlah 1,043 kertas siasatan telah dibuka di bawah AMLATFA oleh agensi-agensi yang berkaitan yang mana sebanyak 145 kes telah dihadapkan ke mahkamah.

Bagi kes-kes di bawah bidang kuasa BNM, dari tahun 2008 hingga 2016, sejumlah 138 kertas siasatan telah dibuka dan 44 kes telah dihadapkan ke mahkamah. Status kes-kes tersebut adalah seperti berikut :

- i) Disabitkan kesalahan sebanyak 12 kes;
- ii) Dilepaskan tanpa dibebaskan sebanyak 4 kes;
- iii) Masih dalam perbicaraan sebanyak 18 kes;
- iv) Rayuan sebanyak 8 kes; dan

v) Dibebaskan sebanyak 2 kes.